AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 8
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

# 22,242 jangkitan rekod angka tertinggi baharu

## Semua negeri catat pertambahan kes, 225 lagi kematian dilapor

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kes harian COVID-19 di negara ini kembali mencecah jumlah tertinggi iaitu sebanyak 22,242 kes semalam, menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 meningkat kepada 1,466,512 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata pertambahan angka COVID-19 semalam, menjadikan jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan di negara ini sebanyak 254,484 kes iaitu 1,060 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 540 kes daripadanya masih memerlukan alat bantuan pernafasan,

Beliau berkata, 10,635 kes berada dalam kategori satu iaitu tidak mempunyai gejala dan daripada jumlah dinyatakan, 84.2 peratus masih belum atau tidak lengkap mendapatkan vaksinasi.

Katanya, sebanyak 11,177 kes lagi berada dalam kategori dua iaitu mempunyai gejala ringan dan 83.2 peratus belum lengkap menerima vaksin serta kategori tiga yang mempunyai radang paru-paru (144 kes) iaitu 84.7 peratus belum lengkap mendapat vaksin.

"Bagi kategori empat (79 kes) memerlukan bantuan oksigen dan 87.3 peratus belum mendapat vaksin serta kategori lima (207) kes berada dalam tahap kritikal dan 90.8 peratus tidak lengkap mendapat vaksin," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, semua negeri mencatatkan pertambahan kes baharu semalam dengan Selangor negeri tertinggi melaporkan kes iaitu 6,858 kes, diikuti 2,413 kes di Sabah.

Beliau berkata, Pulau Pinang pula mencatat kes sebanyak 1,867; Kedah (1,852), Kuala Lumpur (1,587), Johor (1,477), Sarawak (1,403), Kelantan (1,351) dan Perak (1,036).

"Selain itu ialah Pahang (675), Melaka (579), Negeri Sembilan (577), Terengganu (487), Perlis (50), Putrajaya (25) dan lima kes di Labuan," katanya.

Sementara itu, sebanyak 225 kes kematian dilaporkan di negara ini dengan 35 kes daripadanya dilaporkan sebelum tiba di hospital (BID) yang menjadikan jumlah keseluruhan angka korban di negara ini sebanyak 13,302 kes.

Beliau berkata, Selangor terus menjadi negeri tertinggi mencatatkan kes kematian iaitu 74 kes dilaporkan semalam, diikuti Johor (37), Kuala Lumpur (24), Sabah (18), Pulau Pinang (15), Kedah (14), Perak (9), Negeri Sembilan (8, Melaka (7), masing-masing enam kes di Kelantan dan Pahang, manakala Terengganu (5) dan Sarawak (2).

Dr Noor Hisham berkata, sehingga jam 12 tengah hari semalam, terdapat 19,680 kes sembuh, sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan kes sudah pulih di negara ini ialah 1,198,726 kes.

> Bagi kategori empat (79 kes) memerlukan bantuan oksigen dan 87.3 peratus belum mendapat vaksin serta kategori lima (207) kes berada dalam tahap kritikal dan 90.8 peratus tidak lengkap mendapat vaksin



**Dr Noor Hisham Abdullah,**
*Ketua Pengarah Kesihatan*

 GOS 2021

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NASIONAL

# Hanya 4 kematian babit penerima dos penuh

**Kuala Lumpur:** Analisis data klinikal angka kematian akibat COVID-19 di negara ini menunjukkan sebanyak 0.03 peratus iaitu bersamaan dengan empat kematian membabitkan individu yang menerima dos penuh.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata sejak penularan pandemik dilaporkan dalam negara sebanyak 12,993 kematian direkodkan.

"Sebanyak 80 kematian iaitu bersamaan 0.6 peratus lagi membabitkan individu yang hanya menerima sekurang-kurangnya satu dos suntikan vaksin," katanya menerusi ciapan Twitter, semalam.

Beliau bagaimanapun, tidak menjelaskan lanjut mengenai tempoh masa mangsa dijangkiti, terutama dalam kalangan penerima yang sudah menerima dos penuh dan juga pecahan jenis vaksin yang diterima.

Sementara itu Kementerian Kesihatan (KKM) sentiasa menambah baik fungsi aplikasi MySejahtera bagi memudahkan pengguna.

Dr Noor Hisham berkata, antara fungsi yang ditambah baik ialah notifikasi kendiri bagi menjalankan ujian COVID-19 serta Perintah Pengawasan di Rumah (HSO) secara digital.

"HSO secara digital ini ditambah baik bagi kegunaan pengembara bermula Jun tahun lalu, manakala kegunaan kes positif COVID-19 di negara ini pula ditambah baik pada Julai lalu.

"Selain itu, penambahbaikan juga dibuat kepada sistem pengesanan kontak kasual secara digital menggunakan teknologi kepintaran buatan (AI) bermula Mac lalu," katanya.

Menerusi ciapan berkenaan, Dr Noor Hisham turut berkongsi video Ketua Penolong Pengarah Kanan Sektor Pengurusan Bencana, Wabak, Krisis dan Kecemasan KKM, Dr A Maheswaras yang menceritakan lebih lanjut berkaitan penambahbaikan yang dibuat oleh pihaknya.

Dr Maheswaras berkata, ketika ini KKM sedang giat memperkenalkan fungsi baharu dalam aplikasi berkenaan dan antaranya ialah HSO secara digital yang akan diberikan kepada setiap kes positif COVID-19 yang dikesan di negara ini.

"Selain itu, KKM juga sedang memperkasakan penggunaan kit ujian kendiri COVID-19 supaya masyarakat dapat menjalankan ujian menggunakan kit berkenaan yang boleh diperoleh daripada farmasi.

"Bagi individu yang melakukan ujian kendiri, mereka perlu melaporkan keputusan ujian terbabit dan sekiranya positif mereka seharusnya menjalankan HSO serta perlu memberikan maklumat mengenai semua kontak rapat mereka.

"Kita harapkan ia dapat melakukan pengesanan kontak rapat lebih jitu dan tepat yang secara langsung dapat mengurangkan kes di lapangan," katanya.

Dr Maheswaras berkata, berkemungkinan ramai pengguna MySejahtera menerima notifikasi sebagai Kontak Kasual yang tertera di dalam aplikasi berkenaan.

"Kita menggunakan kaedah AI yang diperkenalkan beberapa bulan lalu, individu yang mendapat notifikasi sebagai Kontak Kasual ini adalah disebabkan dia dikesan terdedah dengan mana-mana kes positif COVID-19 di negara ini," katanya.




*Analisis data klinikal angka kematian akibat COVID-19 di negara ini menunjukkan sebanyak 0.03 peratus membabitkan individu yang menerima dos penuh.* (Foto BERNAMA)

ratus da-
kes.
nerekod-
iaitu se-
ikuti Sa-
ulau Pi-
, Kedah
Lumpur
,477 kes)
kes).
Kelantan
kes, Pe-
Pahang
579 kes),
577 kes),
s), Perlis
(25 kes)
)," kata-

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

# Lebih 80 peratus daripada 22,242 kes baharu tidak lengkap vaksinasi

**PUTRAJAYA** – Negara merekodkan jangkitan harian sebanyak 22,242 kes semalam, rekod tertinggi yang pernah dicatatkan sepanjang pandemik Covid-19 melanda negara.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah berkenaan, sebanyak 18,631 kes atau 83.8 peratus daripada jumlah jangkitan yang dilaporkan tiada atau tidak lengkap imunisasi.

"Orang ramai perlu mendapatkan vaksin Covid-19 bagi mengurangkan risiko jangkitan yang serius terutamanya kes dalam kategori tiga hingga lima," katanya di sini semalam.

Mengulas lanjut, Dr. Noor Hisham berkata, daripada 22,242 kes harian yang dilaporkan semalam, sebanyak 430 kes (1.9 peratus) adalah daripada kategori tiga, empat dan lima.

"Manakala sebanyak 21,812 kes (98.1 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori satu dan dua," ujarnya.




**SEMBILAN individu mengenakan kostum adiwira hadir memberi sokongan kepada penerima vaksin di Pusat Pemberian Vaksin Spice Arena, Bayan Baru, Pulau Pinang semalam.**

Sementara itu, Dr. Noor Hisham berkata, negara turut merekodkan kes sembuh tertinggi iaitu 19,680 individu positif dicatatkan sejak pandemik melanda negara.

"Sebanyak 49 kluster baharu dikenal pasti terdiri daripada 30 kluster tempat kerja, 13 kluster komuniti, lima kluster kumpulan berisiko tinggi dan satu kluster pendidikan tinggi," ujarnya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

# Kes Covid-19 terus catat rekod tertinggi

## Sebanyak 22,242 kes direkod pada Rabu

Oleh TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN

**PUTRAJAYA**

Angka baharu positif Covid-19 terus melonjak kepada 22,242 kes pada Rabu sekali gus merekodkan jangkitan harian tertinggi sejak pandemik melanda negara.

Selain Selangor yang kekal mencatatkan jumlah tertinggi iaitu 6,858 kes, terdapat lapan negeri lain melaporkan kes melebihi 1,000 termasuk Sabah sebanyak 2,413 kes.

Negeri tersebut ialah Pulau Pinang (1,867), Kedah (1,852), Kuala Lumpur (1,587), Johor (1,477), Sarawak (1,403), Kelantan (1,351) dan Perak (1,036).

Pahang pula merekodkan sebanyak 675 kes diikuti Melaka (579), Terengganu (487), Perlis (50), Putrajaya (25) dan Labuan (lima).

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, pertambahan itu menjadikan jumlah keseluruhan kes positif setakat Rabu ialah 1,466,512 kes.

"Daripada jumlah kes harian yang dilaporkan, sebanyak 430 kes adalah daripada kategori tiga dan ke atas," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

LAPORAN MUKA DEPAN

MENDEPANI KRISIS COVID-19: APA TINDAKAN KITA?

Dr Noor Hisham berkata, sebanyak 254,484 kes aktif direkodkan di seluruh negara termasuk 1,060 yang dirawat di unit rawatan rapi (ICU).

"Seramai 540 pesakit memerlukan bantuan pernafasan," ujar beliau.

Menurut beliau, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) merekodkan sebanyak 225 kes kematian berkaitan Covid-19 membabitkan 198 warganegara dan 27 warga asing.



DR NOOR HISHAM

"Bagi kes kematian di luar fasiliti perubatan, sebanyak 35 kes direkodkan terdiri daripada 27 warganegara dan lapan bukan warganegara," katanya.

Tambah Dr Noor Hisham, kes sembuh turut merekodkan angka tertinggi iaitu seramai 19,680 orang.

"Jumlah keseluruhan kes sembuh ialah 1,198,726," katanya.

Mengulas mengenai kluster, Dr Noor Hisham berkata, sekurang-kurangnya 49 kluster baharu telah dikenal pasti.

"Sebanyak 30 daripadanya adalah kluster tempat kerja, selain 13 kluster komuniti, lima kluster kumpulan berisiko tinggi dan satu pusat tahanan," katanya.

Beliau berkata, sektor perkilangan merupakan subkluster Covid-19 tertinggi dikesan membabitkan 780 kluster.

Menurut beliau, selain sektor perkilangan, sektor perkhidmatan dan pembinaan masing-masing merekodkan 260 serta 181 kluster.

Dr Noor Hisham berkata, negeri yang melaporkan kluster tempat kerja tertinggi adalah Selangor (414 kluster), Johor (322 kluster) dan Kuala Lumpur (149 kluster).

## Hanya empat daripada 12,933 kematian lengkap vaksinasi

**PUTRAJAYA** - Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah mendedahkan hanya empat kematian kes Covid-19 membabitkan individu yang lengkap suntikan dos vaksin.

Ia berbanding jumlah keseluruhan kes kematian 12,993 yang dilaporkan sehingga Selasa.

"Data klinikal kami menunjukkan antara keseluruhan kematian itu terdapat 80 kes yang mana telah mendapat satu suntikan dos vaksin dan empat kes lengkap vaksinasi," ciapnya di Twitter pada Rabu.

Berdasarkan data yang dikeluarkan Jawatankuasa Khas Jaminan Bekalan Vaksin Covid-19 (JKJAV), Malaysia merekodkan 28,837,742 dos pemberian vaksin Covid-19 setakat Selasa.

Ia merangkumi 17,437,286 dos suntikan pertama dan 11,400,456 dos kedua.

Sebanyak 525,111 dos diberikan pada Selasa.

## Kes varian Delta di Sarawak meningkat

**KUCHING** - Kes positif Covid-19 varian Delta dikesan meningkat dengan ketara di Sarawak, menurut Institut Kesihatan dan Perubatan Komuniti (IHCM) Universiti Malaysia Sarawak (Unimas).

Pengarah IHCM, Profesor Dr David Perera dalam kenyataan berkata, kadar pengesanan lebih 73 peratus direkodkan baru-baru ini yang merupakan peningkatan ketara berbanding 50 peratus yang dilaporkan pada 3 Ogos.

Beliau berkata, di Kuching sahaja kadar pengesanan varian Delta menjangkau 90 peratus.

"Varian ini juga dikesan di Bau, Lundu, Kota Samarahan, Simunjan, Miri dan Bintulu. Kita juga mengesan enam varian Delta di Sibu," katanya.

Sejak mula penularan Covid-19 tahun lepas, ICHM berada di barisan hadapan dalam memerangi pandemik ini dan diberi tanggungjawab menguji sampel serta analisis jujukan genom bagi mengesan perubahan virus.

Dr Perera berkata, sehingga 10 Ogos, sejumlah 249 varian yang membimbangkan (VOC) dan varian yang perlu diperhatikan (VOI) dikesan daripada 338 kes positif Covid-19 yang dijujukan dan daripada jumlah ini, 248 adalah varian Delta.

Katanya, sehingga 10 Ogos jumlah keseluruhan 592 VOC/VOI dikesan di Sarawak daripada kes-kes positif Covid-19 di negeri itu. - *Bernama*

## SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA

### KES BAHARU MENGIKUT KATEGORI




Sumber: CPRC Kebangsaan & Kementerian Kesihatan Malaysia

INFOGRAFIK: SINAR HARIAN/EPIC




*Dikemas kini pada jam 12 tengah hari 18 Ogos 2021

### JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI

| JUMLAH KESELURUHAN: | PULIH: | ICU: | KEMATIAN: | KES BAHARU | SUDAH DIVAKSIN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1,466,512 | 1,198,726 | 1,060 | 13,302 | 22,242 | 28,837,742 |

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : DALAM NEGERI

# Jumlah pesakit 'melimpah' di HTF

Oleh NUR NAZLINA NADZARI
utusannews@mediamulia.com.my




PENGGUNAAN katil bagi pesakit Covid-19 di PKRC di Hospital Tuanku Fauziah, Kangar, Perlis sudah mencapai 101.5 peratus.

**KANGAR:** Peningkatan ketara jumlah kes Covid-19 di Perlis sejak memasuki Fasa Ketiga Pelan Pemulihan Negara (PPN) mendorong kepada peningkatan kapasiti pesakit di Hospital Tuanku Fauziah (HTF) yang kini mencecah 101.5 peratus.

Jumlah katil menempatkan pesakit Covid-19 di hospital berkenaan sebanyak 131 berbanding jumlah disediakan, 129 katil sebelum ini.

Pengerusi Badan Bertindak Covid-19 Kebangsaan (CITF) negeri, **Azman Mohd Yusof** berkata, bagi penggunaan katil pesakit unit rawatan rapi (ICU) pula mencecah 72.7 peratus atau lapan katil daripada jumlah keseluruhan 11 katil.

Menurut beliau, penggunaan katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC) di Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia (ILKKM) Kangar pula pada tahap 80.7 peratus iaitu 92 katil daripada keseluruhan 114 katil.

"Sementara itu, bagi PKRC di Pusat Koreksional Perlis pula, penggunaan katil melibatkan pesakit Covid-19 adalah sebanyak 34 katil atau 17 peratus," kata beliau kepada *Utusan Malaysia* semalam.

Semalam, Perlis merekodkan 50 kes baharu sekali gus menjadikan jumlah keseluruhan kes aktif di negeri ini adalah sebanyak 302.

Manakala jumlah kes kumulatif di negeri ini telah mencecah empat angka iaitu 1,149 kes selain masih kekal dengan 13 kematian.

Perlis kini berada di dalam fasa tiga Pelan Pemulihan Negara (PPN) dengan sebelum ini negeri ini kerap merekodkan sifar kes dan memegang status zon hijau Covid-19 dalam tempoh yang cukup lama.

Tambah Azman, kluster kilang terus menjadi penyumbang tertinggi jumlah kes iaitu meliputi sebanyak 19.8 peratus.

"Terdapat dua kluster kilang di negeri ini iaitu kluster Jalan Bukit Keteri sebanyak 33 kes yang bersamaan 10.9 peratus dan kluster Zon Industri Jejawi sebanyak 27 kes (8.9 peratus).

"Masih terdapat tiga lagi sampel yang sedang diuji bagi kluster Zon Industri Jejawi, manakala kluster Jalan Bukit Keteri pula sudah tidak ada.

"Jumlah individu yang sedang dikuarantin adalah 4,951 sehingga kini. Kebanyakan kes aktif di Perlis adalah penularan tempatan yang mana kebanyakan mereka adalah di tahap satu dan dua," katanya.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION/NEWS

PANDEMIC UPDATE

# RECORD HIGH OF NEW CASES, RECOVERIES

22,242 new infections and 19,680 recoveries recorded yesterday, says Health D-G

DAWN CHAN
AND VEENA BABULAL
**KUALA LUMPUR**
news@nst.com.my

MALAYSIA broke two "records" when it registered the highest number of new Covid-19 cases and the most recoveries in a span of 24 hours.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said there were 22,242 new infections yesterday, the highest number so far, as well as 19,680 patients recovering from Covid-19 the same day.

The last record in daily cases was set on Aug 13 when the nation logged 21,468 new infections. The highest number of daily recoveries was recorded on Aug 11 with a tally of 17,973.

The latest figures bring the cumulative recoveries to 1,198,726 or 81.7 per cent of the overall 1,466,512 cases.

A total of 225 deaths were recorded yesterday, with 35 (eight foreigners and 27 Malaysians) or 15.5 per cent of total fatalities brought in dead (B.I.D.).




*The Jalur Gemilang adorn a canopy set up at a police roadblock in Jalan Papar Lama, Kota Kinabalu, on Tuesday.* BERNAMA PIC

This is a slight increase from Tuesday's figures, where B.I.D. cases accounted for 15 per cent of the overall Covid-19 fatalities.

The rates more than doubled on Aug 9 when B.I.D. cases accounted for seven per cent of total deaths. The figures had been rising steadily before peaking at 35 per cent on Sunday and falling to 28.1 per cent on Monday.

Up to yesterday, Malaysia recorded 13,302 Covid-19 fatalities or 0.91 per cent of total deaths.

Dr Noor Hisham said 1,060 patients were warded in Intensive Care Units, with 540 being intubated.

Selangor accounted for the largest caseload yesterday with 6,858 infections followed by Sabah (2,413) and Penang (1,867).

There were 1,852 new infections in Kedah followed by Kuala Lumpur (1,587), Johor (1,477), Sarawak (1,403), Kelantan (1,351) and Perak (1,036).

Negri Sembilan had 577 cases followed by Melaka (579), Pahang (675) and Terengganu (487).

Labuan recorded five cases after registering zero new cases for the past two days.

Putrajaya and Perlis recorded 25 and 50 cases, respectively.

The number of active Covid-19 cases stood at 254,484.

Category 2 (mild symptoms) cases made up the bulk of infections with 11,177 (50.3 per cent) patients. Out of that number, 83.2 per cent were either unvaccinated or not fully vaccinated.

Category 1 (asymptomatic) cases came in second with 10,635 (47.8 per cent) patients and of this group, 84.2 per cent were either unvaccinated or not fully vaccinated.

Category 3 patients accounted for 144 patients (0.6 per cent) with 84.7 per cent of patients either unvaccinated or not fully vaccinated.

Category 5 patients accounted for 207 patients (0.9 per cent) and 90.8 per cent of this group were either unvaccinated or not fully vaccinated.

Category 4 patients accounted for 79 patients (0.4 per cent) with 87.3 per cent either unvaccinated or not fully vaccinated.

A total of 49 new clusters were recorded with 30 clusters related to workplaces, 13 community-based clusters, five linked to high risk groups and one linked to a detention centre.

# '4 fully vaccinated persons among overall Covid-19 fatalities'

**KUALA LUMPUR:** Four people have succumbed to Covid-19 despite being fully vaccinated, while another 80 died of the illness after one inoculation, said Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah.

"Our recent clinical audit data analysis on the 'breakthrough deaths' showed that of the overall 12,993 deaths recorded, 80 cases had been partially vaccinated (0.6 per cent) and four cases had full vaccination (0.03 per cent)," he said in a posting on his Twitter account.

The posting came amid demand for granular data on Covid-19 deaths post-vaccination as cases and transmission rates now surged outside the borders of Klang Valley, Johor, Penang and Sarawak.

Experts have also demanded the data due to the rising number of the Delta variant strains sequenced by the Health Ministry over the past few weeks to determine the actual efficacy levels of individual vaccines against the dreaded strain.

Experts said the data was also crucial for Malaysia to decide whether or not booster shots would be needed to combat the Delta and emerging variants.

Meanwhile, the Health Ministry and the Science, Technology and Innovation Ministry yesterday gave their assurance that despite the absence of a conventional government, pandemic control measures and the corresponding Covid-19 national vaccination drive were running smoothly as planned.

They said the Covid-19 National Immunisation Programme (NIP), spearheaded by the Science, Technology and Innovation Ministry, was on the right track to achieve herd immunity by October.

In a joint statement, the ministry's secretary-general, Datuk Dr Siti Hamisah Tapsir, and her Health counterpart, Datuk Shafiq Abdullah, said up to Aug 16, 47.2 per cent of the adult population had been fully vaccinated, while 73 per cent of the overall adult population had received at least one dose of the jab."

"The momentum of vaccination has also been consistent with more than 500,000 jabs administered on Aug 17."

They said more than 40 per cent of the adult population in Sarawak, Negri Sembilan, Perlis, Melaka, Labuan and the Klang Valley had been vaccinated, which is an indicative threshold for transition for the opening up of prescribed social and economic sectors under the National Recovery Plan.

"Between 30 and 39 per cent of the adult populations in Pahang, Penang, Perak, Kedah and Terengganu have been inoculated.

"Only three states (Kelantan, Johor and Sabah) have immunisation rates of between 20 and 29 per cent.

"However, with delivery of vaccine supplies to these states, all states are targeted to achieve the indicative threshold by the end of August."

From the Health Ministry's procurements up to Aug 16, a total of 33,879,979 vaccination doses from Pfizer, AstraZeneca, Sinovac and Cansino have been made available for Covid-19 immunisation.

Vaccines are highly effective, particularly in preventing the spread of Covid-19.

Of the 19,740 cases recorded on Aug 16, only 1.5 per cent were in Category 3, where five patients required extensive care due to pneumonia.

The majority of the daily cases or 85.13 per cent were in Category 1 and 2, representing asymptomatic and mildly symptomatic cases.

The Health Ministry reiterated that it would continue to carry out strategic measures for care and treatment in government-run facilities nationwide.

It said the Greater Klang Valley Special Task Force would continue to boost logistics to handle the crisis, enhancing virtual Covid-19 Assessment Centres and ensuring that there was a social support system for the frontliners, who had been battling the pandemic since March last year.

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NATION

**Covid-19 Current situation**

| Malaysia: New cases | Total cases | Total deaths | Total recovered |
|---|---|---|---|
| 22,242 | 1,446,512 | 13,302(+225) | 1,198,726(+19,680) |

**VACCINATED IN MALAYSIA** As at 11.59pm Aug 17 (Daily figures in brackets)

| TOTAL DOSE 1 & DOSE 2 ADMINISTERED | FIRST DOSE TOTAL | SECOND DOSE TOTAL |
|---|---|---|
| 28,837,742 (525,111) | 17,437,286 (184,972) | 11,400,456 (340,139) |

| Perlis | Kedah | Penang | Perak | Selangor | Kelantan | Terengganu | Pahang | N. Sembilan | Melaka | Johor | Sabah | Sarawak | FT K. Lumpur | FT Putrajaya | FT Labuan |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| +50 | +1,852 | +1,867 | +1,036 | +6,858 | +1,351 | +487 | +675 | +577 | +579 | +1,477 | +2,413 | +1,403 | +1,587 | +25 | +5 |

# Health DG: Always observe SOP

## Reminder comes as new cases hit record 22,242

**PUTRAJAYA:** As Malaysia gradually reopens the economic and social sectors, the Health Ministry has reminded the public not to ignore the perils of the Covid-19 pandemic.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the country's Covid-19 figures remained at a "worrying stage" and must be controlled.

"The ministry understands the importance of reopening the economic and social sectors in stages as part of the National Recovery Plan, in our effort to balance lives and livelihoods.

"At the same time, the ministry is also striving to break the chain of Covid-19 infection and prevent the formation of more clusters.

"The ministry's actions will require the cooperation and compliance of all parties to keep the Covid-19 situation in the country under control. Right now, it is still at a worrying level.

"The daily figures still show an average of 20,000 cases a day for the past seven days," said Dr Noor Hisham in his daily Covid-19 statement.

Yesterday, Malaysia's Covid-19 figures reached a new high with 22,242 more cases recorded in the last 24-hour span.

The figure surpassed the record of 21,668 cases set on Aug 12.

The past five days saw Malaysia's daily cases going on a steady downward trend, hitting 19,631 cases on Tuesday.

Effective Aug 16, businesses such as car wash, clothing stores and barbers are allowed to reopen.

> ***"Hopefully, we can return to normalcy as soon as possible and drive our country towards a more prosperous direction."***
> Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah

Public parks are also allowed to reopen for activities such as jogging and cycling.

Dr Noor Hisham said it was important that Malaysians do their part by strictly adhering to Covid-19 preventive measures at all times.

"Take heed of lessons from the past that led to Covid-19-related deaths as well as the closure of economic and social sectors brought on by the increase in workplace and community clusters.

"We should take the responsibility to prevent the country from continuing to be plagued by the pandemic.

"Hopefully, we can return to normalcy as soon as possible and drive our country towards a more prosperous direction," he said.

Of yesterday's 22,242 cases, Dr Noor Hisham said 98.1% were either mild or asymptomatic.

The rest (1.9%) are cases in Category 3, 4 and 5 requiring hospitalisation.

He said 83.76% of yesterday's cases involved unvaccinated cases or had not completed their vaccination dosage.

Some 51% of the new cases are those detected from contact tracing activities while 39% are sporadic infections and 9% are cases with links to clusters.

There were four imported cases, he added.

Selangor reported 6,858 new cases – the highest among all the states. Sabah and Penang reported new daily records – with 2,413 and 1,867 cases, respectively.

Labuan continued to report low numbers, with five new cases.

The country also recorded 225 more deaths, taking the Covid-19 death toll to 13,302. The fatalities included 35 cases declared as "brought-in-dead".

Meanwhile, Malaysia discharged 19,680 patients from treatment – also a new daily record.

To date, 1,198,726 people in Malaysia have recovered from Covid-19.

Currently, there are 254,484 active cases nationwide.

This includes 1,060 patients who are in intensive care units and 540 who are on ventilator support.

Watch the video TheStarTV.com

**New cases by category for Aug 18**

**TOTAL CASES 22,242**

**Category 1**
Asymptomatic (no symptoms)
**10,635 cases - 47.8%**

**Category 2**
Mild symptoms
**11,177 cases - 50.3%**

**Category 3**
Pneumonia (inflammation of the lungs)
**144 cases - 0.6%**

**Category 4**
Pneumonia and require oxygen
**79 cases - 0.4%**

**Category 5**
Pneumonia and need ventilator support
**207 cases - 0.9%**

Source: Health Ministry TheStar graphics